



Oleh **Noor Mohamad Shakil Hameed**

Agensi umrah usah hanya fikir untung

Mutakhir ini penipuan terhadap jemaah umrah semakin menjadi-jadi di negara kita. Terbaru lebih 100 jemaah umrah dilaporkan terkandas di Lapangan Terbang Antarabangsa Pulau Pinang selepas agensi terbabit gagal menyediakan penerbangan yang dijanjikan.

Akibatnya kebanyakan jemaah yang berasal dari Perak, Kedah, Perlis dan Pulau Pinang terpaksa pulang hampa apabila agensi yang menguruskannya yang beribu pejabat di Alor Setar itu gagal menunaikan janji mereka.

Ini bukanlah kes baru. Sebelum ini pun kés seumpamanya sering dilaporkan media, namun ternyata belum menemui titik noktah apabila masih ada agensi yang sanggup menipu demi meraih keuntungan wang ringgit tanpa belas kasihan.

Misalnya pada Oktober lalu sebuah agensi pelancongan didakwa menipu kira-kira 1,200 jemaah umrah dari seluruh negara membabitkan kerugian hampir RM4.8 juta selepas penerbangan mereka beberapa kali ditunda dan jemaah juga gagal menuntut kembali wang mereka.


Apa yang pasti kes penipuan dan penyelewengan seperti ini jelas menggecewakan masyarakat di samping memusnahkan impian untuk ke Tanah Suci. Apakah ini menunjukkan terdapat kelemahan dalam aspek kawalan dan pemantauan terhadap operasi agensi pelancongan di negara kita?

Perkemas SOP

Jika benar kita berharap pihak berkuasa segera memperkemaskan Prosedur Operasi Standard (SOP) yang berkaitan sebelum lebih ramai lagi rakyat kita menjadi mangsa rakus agensi yang tidak bertanggungjawab seperti ini.

Kita berharap pihak kerajaan dapat masuk campur dan bantu mengatasi masalah ini supaya tidak ada lagi bakal jemaah umrah ditipu agensi tidak bertanggungjawab.

Dalam hal ini, agensi berkaitan seperti Lembaga Tabung Haji, Kementerian Pelancongan dan Kebudayaan dan juga polis mungkin perlu bergabung tenaga



PENIPUAN pakej umrah memusnahkan impian ke Tanah Suci.

mencari jalan penyelesaian untuk mengatasi masalah yang semakin meruncing ini.

Pastikan semua agensi berdaratar secara rasmi dengan pihak Lembaga Tabung Haji. Semua agensi yang menyediakan perkhidmatan ini juga perlu dipantau secara berkala dan konsisten. Pastikan operasi mereka berada di landasan yang betul dan mematuhi segala prosedur ditetapkan.

Walaupun bukan semua agensi melakukan penipuan, namun kita tidak mahu tindak tanduk segelintir agensi yang tidak bertanggungjawab ini merobek kepercayaan dan keyakinan masyarakat secara keseluruhannya umpama kerana nila setitik rosak susu sebelanga.

Agensi yang didapati menyeleweng mahupun menipu perlu dikenakan hukuman setimpal, termasuk disenarai hitam supaya tidak berulang di samping sebagai pengajaran kepada agensi lain.

Teliti tawaran pakej

Orang ramai juga perlu lebih berwaspada dan berhati-hati dalam memilih agensi yang menyediakan perkhidmatan seperti ini. Teliti secara mendalam semua tawaran pakej disediakan oleh sesebuah agensi sebelum membuat keputusan bagi me-

ngakal menjadi mangsa, terutama apabila ada yang menawarkan harga rendah dan tidak munasabah.

Jangan mudah terpedaya dengan pujuk rayu dan janji manis disogok oleh pihak agensi terbabit. Sepatutnya masyarakat ambil iktibar dengan segala pendekaran yang dilakukan media dan pihak berkuasa sebelum ini.

Masyarakat, terutama warga emas perlu lebih berhati-hati dalam hal ini. Ringkasnya jangan terlalu mudah mempercayai, apakah lagi ia membabitkan jumlah wang yang besar. Pilihlah agensi yang terbukti tiada sebarang masalah dan mempunyai rekod perkhidmatan cemerlang.

Apapun kita juga berharap sangat agar semua agensi dan syarikat yang ada agar lebih sensitif dan bertanggungjawab. Ini soal agama dan ibadat jadi janganlah mudah gelap mata serta utamakan keuntungan semata-mata.

Biarlah kita cari rezeki yang halal dan diberkati hasil usaha yang ikhlas dan beretika. Sedarlah bahawa bukan semua orang mampu untuk menunai umrah mahupun haji jadi janganlah menipu dan merancakkan impian mereka.